

BAB DUA

KAJIAN- KAJIAN LAMPAU

2.0 Pendahuluan

Bab ini mengujahkan kajian yang telah dijalankan. Kajian-kajian yang berkaitan dengan masalah disiplin.

2.1 Masalah Disiplin

Subahan (1991) telah membuat kajian tentang masalah disiplin bilik darjah. Perkara-perkara yang dikaji terdiri 5 bahagian. Iaitu ponteng , patuh arahan , ganggu semasa pengajaran , kesopanan dan lain - lain.Jenis masalah disiplin yang dilihat dalam bahagian ponteng adalah ponteng kelas,kerap keluar kelas dan ponteng sekolah. Masalah disiplin yang dapat dilihat dalam bahagian patuh arahan ialah tidak ikut arahan, tidak buat kerja rumah,tidak beri perhatian, tidak boleh ikuti pelajaran, tidur dalam kelas dan tidak bawa buku. Masalah disiplin dalam bahagian ganggu semasa pengajaran ialah buat bising, mengganggu kawan-kawan lain,mempertikai pengajaran dan rosakkan alat bantu mengajar. Masalah disiplin yang dilihat dalam bahagian kesopanan ialah pakaian tidak senonoh, cakap kasar,mencarut dan ugutan. Masalah disiplin dalam bahagian lain-lain ialah hisap rokok,bergaduh, conteng sekolah dan hisap

dadah. Daripada kajian ini masalah ponteng sekolah adalah lebih menonjol berbanding masalah disiplin yang lain. Di dalam kajian Subahan mendapati bahawa punca pelajar terlibat dalam masalah disiplin ialah faktor diri sendiri. Kebanyakan masalah disiplin melibatkan pelajar di antara umur 15 hingga 17 tahun. Walau bagaimanapun kebanyakan masalah disiplin timbul daripada pelajar lelaki yang berumur 16 tahun.

Brook (1997) telah membuat kajian terhadap remaja "African American" dan "Puerto Rican" tentang penggunaan dadah dan delinkuen. Sampel kajiannya terdiri daripada 655 remaja "African American" dan 600 remaja "Puerto Rican". Dalam kajiannya beliau mendapati diri sendiri, masalah keluarga,rakan sebaya dan persekitaran menjadi punca ramai remaja terlibat dalam delinkuen berbanding dengan penggunaan dadah.

Brook(1997) juga mendapati bahawa faktor personaliti ,keluarga dan rakan sebaya menjadi penentu serta mempengaruhi remaja untuk merokok. Beliau telah mengambil sampel kajiannya seramai 290 orang pelajar. Di dalam kajian ini Brook (1997) mendapati bahawa seseorang itu merokok sebelum remaja. Beliau teruskan amalan merokok kerana faktor diri sendiri dan rakan sebaya serta hingga ke peringkat akhir remaja.

2.2 Diri Sendiri

Menurut Hurlock (1975) dalam kajiannya mendapati remaja lelaki mudah mengalami tegangan emosi berbanding dengan remaja perempuan. Ini adalah kerana remaja lelaki lebih banyak menghadapi masalah secara bersendirian. Pelajar remaja segan dan malu mencerahkan masalah kepada orang lain . Malah ada juga yang kurang mendapat bimbingan . Oleh yang demikian , remaja lelaki bertindak mengikut perasaan dan kadang kala secara tidak waras.

Manakala di Malaysia Hasan Langgulung (1977) telah membuat kajian terhadap pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 . Beliau ingin melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5. Di dalam kajian ini juga di dapati masalah utama yang dihadapi ialah masalah psikologi , penyesuaian dengan kerja sekolah, masalah mengenai masa depan, masalah moral dan masalah keluarga . Masalah-masalah ini membuatkan pelajar berasa tertekan dan menyebabkan mudah melanggar disiplin di sekolah. Adalah didapati juga pelajar lelaki menghadapi lebih banyak masalah berbanding dengan pelajar perempuan.

Ahli Psikologi Erickson (1963) mendapati peringkat remaja adalah peringkat di mana akan mengalami konflik identiti. Malah cuba membentuk identiti sendiri seperti cara berpakaian, cara bercakap , tingkah laku memilih rakan sebaya. Jika gagal dalam pembentukan identiti diri,

mereka cenderung untuk melanggar disiplin sekolah serta tidak mematuhi arahan guru.

2.3 Faktor Keluarga

Mengikut pandangan Ruhiyati Idayu (1978) dan Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987) menyatakan murid dari keluarga bertaraf sosioekonomi rendah lebih kerap ponteng sekolah berbanding dengan murid yang datang dari keluarga yang bertaraf sosioekonomi tinggi. Kadar perlanggaran disiplin yang lebih tinggi ditunjukkan oleh murid-murid miskin.

Jaafar (1977) mendapati bahawa ibubapa yang bertaraf sosioekonomi rendah kurang berupaya dalam memastikan pencapaian anak-anak. Ibubapa menghantar anak-anak ke sekolah atas seruan kerajaan dan amalan masyarakat tempatan. Oleh itu murid miskin kurang sedar akan pentingnya pelajaran dan ragu-ragu dalam memperolehi kejayaan cemerlang. Oleh itu pelajar kadang-kala bersikap negatif terhadap sekolah dan mudah melanggar peraturan.

Shek (1997) telah membuat kajian tentang keadaan keluarga dan remaja terhadap masalah tingkah laku pelajar Cina di Hong Kong. Keadaan keluarga yang ditinjau ialah fungsi keluarga, pertelingkhan ibubapa, cara penjagaan ayah dan cara penjagaan ibu . Masalah tingkah laku anak yang

dikaji ialah merokok dan penyalahgunaan dada. Seramai 365 pelajar Cina di sebuah sekolah menengah telah dipilih sebagai sampel kajian. Hasil kajian didapati bahawa keluarga memainkan peranan penting dalam mencorakkan pembangunan anak-anak. Di dalam kajian ini fungsi keluarga sangat mempengaruhi perkembangan pelajar Cina. Pertelingkahan antara ibubapa dengan anak membawa kepada tekanan dan menjelaskan perkembangan anak-anak serta menyebabkan mereka terlibat dalam tingkah laku seperti merokok dan penggunaan dada.

2.4 Rakan Sebaya

Hallinan (1990) telah membuat satu kajian tentang ciri pelajar dan proses pengaruh rakan sebaya. Di dalam kajian ini pengkaji telah membuktikan bahawa pengaruh rakan sebaya lebih kuat berbanding dengan faktor jantina dan bangsa. Dalam kajiannya beliau menggunakan sampel seramai 20036 orang pelajar.

Bailey(1991) telah membuat kajian tentang pengaruh rakan sebaya terhadap penggunaan marijuana di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Kajian dijalankan terhadap sampel seramai 3454 pelajar sekolah menengah Wake Country, North Carolina. Adalah didapati bahawa pengaruh rakan adalah sangat kuat dalam percubaan penggunaan

marijuana. Kajian juga mendapati bahawa pengguna sedia ada tentang marijuana telah meningkatkan penggunaan marijuana sebab pengaruh rakan sebaya.

Diehl (1998) telah membuat kajian tentang hubungan antara rakan sebaya dengan penyesuaian sekolah di sekolah rendah. Menurutnya hubungan rakan sebaya mempengaruhi perkembangan sosial dan kognitif. Umur yang sama dan berlainan umur di kalangan rakan sebaya memberi stimulasi dalam perkembangan kognitif, kemahiran sosial dan kognitif sosial. Kajian seperti ini telah dijalankan oleh Asher (1981), Hartup (1983), Piaget (1965), Vygotsky(1934/ 1986). Piaget hipotesiskan bahawa interaksi sesama umur rakan sebaya akan menyebabkan penurunan egosentrism.

Di dalam kajiannya beliau mengambil sampel seramai 269 pelajar. Tujuan kajian Diehl (1998) ialah untuk menyisip sumbangan rakan sebaya ke atas rakan sekelas yang berlainan umur ke arah pencapaian pelajar. Adalah didapati bahawa kajian Diehl menunjukkan hubungan signifikan antara rakan sebaya dengan penyesuaian sekolah di kelas yang sama umur. Akan tetapi terdapat hubungan sedikit untuk kelas yang berlainan umur. Ini bermakna kanak-kanak yang ada 1 atau lebih kawan akan memperolehi skor pencapaian yang tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang tidak mempunyai kawan.